

Headline	Latih model pelbagai saiz		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	27 May 2012	Language	Malay
Circulation	120,848	Readership	269,000
Section	Semasa	Color	Full Color
Page No	14	ArticleSize	649 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 7,776	PR Value	RM 23,328



# Latih model pelbagai 'saiz'

**Ada suami yang menghantar isteri mereka mengikuti kelas di agensi peragaan Siti Murni kerana mahu si isteri belajar cara berjalan yang lebih sopan dan feminin.**

Oleh SYALMIZI HAMID  
syalmizi.hamid@kosmo.com.my

**K**ELIBAT Siti Murni Abdul Aziz, 26, sering kelihatan di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur setiap kali Dewan Rakyat bersidang. Sebagai wartawan penyiaran, beliau banyak menghabiskan waktu di bangunan setinggi 17 tingkat itu sejak tujuh tahun lalu.

Sejak hari pertama bergelar wartawan di stesen Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada 2006, Siti Murni ditugaskan untuk membuat liputan di Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Anak kelahiran Kota Bharu, Kelantan itu turut membuat laporan secara langsung dan menjadi penyampai berita Parlimen di saluran TV1.

"Parlimen seolah-olah menjadi pejabat kedua saya kerana sering berulang-alik ke situ, sampaikan pengawal keselamatan pun sudah kenal saya.

## Politik

"Walaupun sesetengah orang menganggap tugas sebagai wartawan meja politik adalah lebih berat berbanding di meja-meja lain, ia memberi kepuasan kepada saya," ujarnya.

Rezeki Siti Murni untuk menjadi wartawan tiba lebih awal. Beliau terlebih dahulu dipanggil untuk menyandang jawatan tersebut oleh pihak RTM sejurus menamatkan pengajian peringkat matrikulasi.

Biarpun mula bekerja dengan sekadar memiliki sekeping sijil di peringkat setaraf A-level, Siti Murni tetap menyimpan cita-cita untuk menggenggam segulung ijazah.

Menerusi pengajian jarak jauh di Universiti Utara Malaysia (UUM), wanita yang petah

Headline	Latih model pelbagai saiz		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	27 May 2012	Language	Malay
Circulation	120,848	Readership	269,000
Section	Semasa	Color	Full Color
Page No	14	ArticleSize	649 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 7,776	PR Value	RM 23,328

bercakap ini akhirnya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Komunikasi.

"Saya meminati bidang ini sejak kecil lagi. Sebab itu saya terus merebut peluang apabila ditawarkan jawatan ini walaupun saya belum memasuki universiti.

"Namun, akhirnya saya berjaya mendapatkan segulung ijazah menerusi program pengajian jarak jauh," katanya.

Tidak hanya mengisi portfolionya sebagai wartawan, pengacara dan penyampai berita, Siti Murni turut mengembangkan minatnya untuk bergelar seorang model.

Berbekalkan peluang yang diperoleh menerusi bidang penyiaran serta memiliki pesona dan raut wajah yang cantik, dia menjadikan bidang peragaan sebagai cara mengisi masa senggang.

"Bidang peragaan juga salah satu minat saya. Syukur kerana kini peluang untuk wanita bertudung terlibat dalam bidang peragaan semakin terbuka luas.

"Jadi saya boleh menghabiskan waktu lapang dengan melakukan kerja-kerja peragaan," katanya.

Kini bidang peragaan yang dianggap hobi telah menjadi cabang kerjaya baharu buatnya selepas membuka sebuah agensi peragaan khas buat wanita bertudung.

Agensi yang dikenali sebagai

Empayar Siti Murni (ESM) itu dibuka sejak setahun lalu atas sokongan padu suaminya yang merupakan pengacara rancangan *Selamat Pagi Malaysia* di TV1, Hisham Salleh, 31.

"Suami antara orang yang kuat menyokong usaha saya. Dia banyak memberikan sumbangan tenaga sehingga ESM tertubuh dan mempunyai studio sendiri sejak beberapa bulan lalu," ujarnya.

### Saiz

ESM menawarkan perkhidmatan latihan peragaan seperti latihan pentas peragaan, latihan model fotografi serta

perucapan awam.

Selain itu, Siti Murni membuka peluang buat wanita dengan pelbagai bentuk fizikal untuk menimba ilmu dalam bidang peragaan.

"Semua wanita boleh menjadi model. Tidak kiralah tinggi atau rendah mahupun berbadan kurus atau gempal, semua orang ada peluang.

"Apa yang penting kelas itu khas buat wanita yang mengenakan tudung dan berpakaian menutup aurat sahaja.

"Ada pelajar berbadan gempal yang mengikuti kursus saya yang dijemput melakukan *catwalk* pada beberapa pertunjukan fesyen berkaitan.

"Ia petunjuk yang baik kerana semua golongan kini berpeluang melakukannya," kata Siti Murni.

Menariknya, agensi yang terletak di Seri Kembangan, Selangor itu bukan sekadar menjadi pusat latihan untuk peragawati bahkan menjadi tempat membina keyakinan diri.

ESM menjadi platform buat wanita yang kurang keyakinan diri untuk tampil anggun di depan khalayak kerana kursus sehari yang ditawarkan itu meliputi pelbagai silibus latihan.

"Pembukaan agensi ini juga adalah buat wanita yang mahu membina keyakinan diri. Bukan sekadar ingin mengajar mereka menjadi model, tetapi lebih kepada membina semangat dan keyakinan diri.

"Ada juga suami yang menghantar isteri mereka semata-mata untuk belajar cara berjalan yang lebih sopan dan feminin," kata Siti Murni yang menjadi tenaga pengajar bersama suaminya.



SITI MURNI

## EKSTRA Siti Murni Abdul Aziz

**Umur:** 26 tahun

**Asal:** Kota Bharu, Kelantan

**Suami:** Hisham Salleh, 31

**Pendidikan:** Sekolah Kebangsaan Zainab (2) (1993-1998), Sekolah Menengah Kebangsaan Zainab (1) (1999-2003), Kolej Matrikulasi Johor (2004-2005) dan Ijazah dalam bidang komunikasi daripada Universiti Utara Malaysia (UUM)

**Adik-beradik:** Anak bongsu daripada tujuh beradik

**Kerjaya:** Wartawan penyiaran, penyampai berita, pengacara, model, duta produk kecantikan dan tudung



Headline	Latih model pelbagai saiz		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	27 May 2012	Language	Malay
Circulation	120,848	Readership	269,000
Section	Semasa	Color	Full Color
Page No	14	ArticleSize	649 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 7,776	PR Value	RM 23,328

**KELAS** peragaan dan catwalk yang dikendalikan oleh Siti Murni diadakan pada setiap hari Sabtu dan Ahad.

**SELAIN** bergelar wartawan, penyampai berita dan model, Siti Murni mahu berkongsi kemahirannya bersama wanita muslimah.

Foto  
FAIRUZ IZYANA AYUB



**SITI MURNI** membuka peluang kepada wanita bertudung untuk menjadi peragawati.